

Interaksi budaya India & Cina ke atas pengukuhan bahasa dalam Tamadun Melayu

ZAWIAH MAT¹ & MASHITAH SULAIMAN²

ABSTRACT

The history of human civilization depicts that the growth and downfall of a civilization is interrelated to the power and solidarity of its language. Language is an important factor in determining positive interaction within individuals in a society. The migration of the Indian and Chinese community to the Malay Archipelago had led to the strengthening of the Malay language and its civilization. Historians of ancient civilization, elucidate that language plays a crucial role in fostering relations between the speaker and others. The people of the Peninsular of Malaya started interacting using various languages like Malay, Chinese and Tamil. This led to the accommodation and assimilation of culture and the sprucing up of the Malay vocabulary. Thus, this article describes the history of the migration of the Indian and Chinese community to the Malay Archipelago and their interaction with the language, culture and the build-up of the Malay civilization. Besides, this article also discusses about the loan words from the different ethnic groups which have enriched the Malay language.

PENGENALAN

Pembangunan sesebuah negara dan tamadun tidak dapat dinafikan mempunyai hubung kait yang sangat rapat antara manusia sesama manusia. Manusia tidak mampu dan mungkin hidup berasingan tanpa wujudnya masyarakat. Manusia perlu hidup bersosialisasi untuk berinteraksi dan membentuk kelompok manusia bagi memenuhi keperluan hidup dalam ekonomi, politik, pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Dalam hal ini, proses interaksi berterusan merupakan aset penting untuk tujuan meneruskan hubung jalin antara makhluk ciptaan tuhan di seluruh alam demi kelangsungan dan kemajuan sesebuah tamadun. Proses peminjaman dan penerimaan daripada unsur-unsur luar telah berjaya diasimilasi dan diadaptasi dengan kepakaran golongan intelektual tempatan sebagai pemangkin kepada perkembangan sesebuah tamadun mengorak langkah lebih maju.


Catatan sejarah telah membuktikan bahawa dalam beberapa abad yang lalu, masyarakat dan budaya Melayu telah mengalami perubahan kesan daripada pertembungan dan kemasukan pengaruh asing, khususnya pengembangan bahasa Melayu. Seperti juga wilayah lain di dunia, fenomena yang disebut sebagai imperialisme budaya ini turut berlaku di Alam Melayu yang terkenal sebagai kawasan strategik antara Timur dan Barat, pusat perdagangan entrepot dan aktiviti keagamaan. Interaksi positif daripada pertembungan ini, memperlihatkan kecenderungan dalam memperkayakan bahasa dan kebudayaan. Maka berlakulah penyerapan kosa kata pinjaman daripada pelbagai bahasa dan budaya. Antaranya bahasa Inggeris, Arab, India, Cina, Portugis, Belanda dan lain-lain. Namun begitu, skop perbincangan ini lebih tertumpu kepada pertalian awal kedatangan masyarakat India dan Cina ke Alam Melayu, pertalian hubungan budaya khususnya peminjaman bahasa Cina dan India dalam budaya dan tamadun Melayu.

DEFINISI KONSEP

Budaya merupakan tatacara hidup sesuatu kelompok atau kumpulan sosial, iaitu seluruh kehidupan dan persekitaran yang dibina oleh manusia hasil amalan dan hubungan manusia dalam lingkungan persekitaran yang meliputi budaya kebendaan dan budaya bukan kebendaan. Justeru itu, bahasa berkait rapat dengan kebudayaan kerana bahasa ialah unsur budaya. Oleh sebab itu, hipotesis Sapir-Whorf (daripada nama Edward Sapir dan Benjamin Lee Whorf) menyatakan struktur bahasa yang dituturkan memberikan kesan kepada bagaimana kita membuat tanggapan tentang dunia di sekeliling kita. Jelasnya, tanggapan atau fikiran serta tindakan seseorang bergantung kepada struktur kosa kata bahasanya, iaitu alat yang digunakannya untuk berfikir dan menanggapi sesuatu (Puteri Roslina 2005: 33).

Alam Melayu atau Dunia Melayu (*Malay Archipelago*) merujuk kepada pengertian yang luas merangkumi tiga konsep utama iaitu:

1. Dunia Melayu yang merangkumi keserumpunan bahasa-bahasa dan bangsa-bangsa yang dikenali dengan Melayu-Polinesia majoriti masyarakat adalah beragama Islam (Wan Hashim Wan Teh dalam Ismail Hussien, *et al.* 1997: 127).
2. Dunia berbahasa Melayu yang meliputi pelbagai etnik, agama dan negara yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi utama



3. Dunia Melayu-Polinesia yang mempunyai keturunan rumpun bangsa dan bahasa induk yang sama merentasi dari Pulau Malagasi (Madagaskar) sehingga ke Lautan Pasifik merangkumi Pulau-pulau Polinesia, Hawaii, Mikronesia dan ke Utara sehingga ke Pulau Taiwan.

Jelaslah bahawa bahasa merupakan alat untuk melestarikan budaya dari satu tahap ke satu tahap lain. Bahasa juga merupakan penginventori ciri budaya. Dari segi fungsi kemasyarakatan pula, bahasa dilihat berdasarkan ruang lingkup dan bidang penggunaannya. Di Malaysia, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Ia merupakan lambang kebanggaan kebangsaan, jati diri bangsa, dan alat pemersatu bangsa daripada berbagai-bagai suku dan kaum. Penggunaan bahasa Melayu juga agak meluas sehingga dikenali sebagai bahasa *lingua franca*, iaitu bahasa perhubungan seharian dalam kalangan rakyat Malaysia (Puteri Roslina 2005: 35-36).

PERTALIAN AWAL KEDATANGAN MASYARAKAT CINA KE ALAM MELAYU

Kedatangan awal masyarakat Cina ke Alam Melayu dikatakan bermula sejak awal abad Masihi. Menurut Han Shu (Buku Han vol. 28) karya Ban Gu (32-92), sudah terdapat jalinan maritim antara China, India dan juga Semenanjung Tanah Melayu sejak abad pertama. Sementara itu Liang Liji menyatukan (1996), bahawa hubungan antara negeri China dengan Alam Melayu telah lama wujud sebelum abad pertama lagi, iaitu pada abad kedua sebelum Masihi sejak zaman Dinasti Han (140-177 S.M).

Catatan buku sejarah China Dinasti Han yang berjudul Hansyu menyatakan jangka masa perjalanan laut peniaga dari China yang merentasi Semenanjung Malaya untuk sampai ke India yang mengambil masa antara dua ke tiga tahun. Dalam catatan buku sejarah Hou Han Syu, ada diungkapkan hubungan secara rasmi yang pertama antara Dinasti Han dengan sebuah kerajaan yang disebut “*Ya Diao*” (kata Sanskrit “*Yavavipa*” mungkin di Jawa atau Sumatera) (1995:3558). Selain itu juga, penemuan arkeologi daripada kebanyakan pecahan seramik Dinasti Qin (221 SM-206 SM) dan Dinasti Han (206 SM-220 M) dan dinasti-dinasti berikutnya China di lembah sungai Johor membuktikan bahawa hubungan antara China dan Tanah Melayu telah wujud sejak abad pertama lagi atau lebih awal daripada itu.

Menurut rumusan yang dilakukan sekumpulan pengkaji Cina yang diketuai oleh W. P. Groeneveldt pada tahun 1880, hubungan antara China dan Nusantara ini tidak pernah putus. Semasa pemerintahan Empayar Wu (222-280), rajanya iaitu Shu Quan pernah menghantar dua orang pengutus yang

bernama Zhu Ying dan Kang Tai sebagai utusan muhibah ke puluhan empayar dan kerajaan di Asia Tenggara termasuk Tantam (sekitar Kota Bharu Kelantan), Pu Luo Zhong (sekitar Johor) dan Wu Wen di Semenanjung Malaysia (Kong Yuanzhi 2000:58, Liang Liji 1995:3559).

O.W. Wolters (1975, *The Fall of Srivijaya in Malay History*: 20) pernah menganalisis bahawa kesedaran China terhadap kedudukan Asia Tenggara yang mempunyai peranan penting dan termasuk dalam kawasan yang mengiringi lautan Cina di bahagian selatan. Sebagai kuasa yang mementingkan kedudukannya sebagai pusat budaya dan kuasa sedunia, hubungan dengan Asia Tenggara amatlah penting bagi mengekalkan kuasa pentadbiran dan ketenteraannya. Maka timbullah konsep te yang digunakan oleh raja-raja Dinasti Tang sebagai satu prinsip dalam menentukan hubungan China dengan Asia Tenggara atau kawasan yang secara tidak langsung berada di bawah naungan dan perlindungan China. Misalnya Dinasti Tang (618-906) dan Dinasti Song (960-1279) telah mengurniakan kedudukan istimewa kepada pemerintah Srivijaya sebagai wakil perdagangan China di kawasan kepulauan Melayu dan melaluinya dengan India dan Asia Barat (Kobkua Suwannathat ~ Pian 1997: 70).

Hubungan kebudayaan antara bangsa Cina dan Melayu semakin berkembang pada zaman Dinasti Shui (581-610 M) dan zaman Dinasti Tang (618-907 M) dengan Empayar Srivijaya. Catatan I Tsing tentang kemakmuran Srivijaya adalah antara bukti jelas hubungan China dan Dunia Melayu. Srivijaya telah berperanan menjadi pelabuhan entreport termasyur dan tempat pertemuan pedagang-pedagang dari Timur dan Barat sementara menunggu pertukaran angin monsun. Kemajuan tamadun dan pengajian agama Buddha sangat dikagumi oleh I Tsing. Pemimpinnya telah memberi galakan terhadap pengajian agama Buddha. Keadaan ini menjadi faktor penggalak kehadiran sami daripada luar seperti dari negara China untuk belajar dengan guru-guru India. Kesempatan ini diambil oleh I-Tsing untuk mendalami agama Buddha di samping melakukan penyelidikan dan penelitian tentang masyarakat dan tamadun Melayu ketika menetap di Srivijaya. Pada pertengahan abad ke-8, pemerintah Srivijaya turut menghantar beberapa misi ke China, bukan sahaja untuk tujuan ekonomi malahan jauh daripada itu bagi mempamerkan kesungguhannya dalam hubungan diplomatik dengan kuasa besar tersebut. (Keith W. Taylor 1994:173-174).

Kerajaan China juga mengharapkan bahawa keadaan yang aman di kawasan jiran tetangganya membolehkan misi-misi diplomatik dan perdagangan antara Asia Tenggara yang berulang alik ke China mendapat manfaat daripada konsep te ini dalam bentuk hubungan semulajadi yang harmoni. China bukan sahaja menjalinkan pertalian dengan Srivijaya bahkan dengan wilayah-wilayah lain di Nusantara seperti Siam, Myanmar, Annam, Melaka, Jawa. Usaha China untuk mewujudkan hubungan serantau yang baik turut diteruskan dengan menghantar ekspedisi armada tentera laut China ke "laut selatan" dan wilayah

lain seperti India, Sri Lanka, Arab dalam tahun-tahun (1405-1407), (1407-1409), (1409-1411), 1413-1415, (1417-1419, dan 1421-1424). Menurut Wang Gungwu, (1970: 384) ekspedisi raksasa ini dijalankan sehingga tahun 1433, bersama armada yang dilengkapi dengan 60 buah kapal perang dan lebih 27,000 anak kapal atau tentera laut.

Ketika China berada dalam pemerintahan Dinasti Tang, pemerintahnya telah membuka tujuh jalur jalan dagangan dengan dunia luar. Satu daripadanya ialah jalan laut dari Guangzhou ke India, Parsi dan Arab melalui Alam Melayu seperti Semenanjung Tanah Melayu, Srivijaya, Jawa (He Ling) dan lain-lain. Semasa pemerintahan Dinasti Song, tradisi hubungan erat China-Alam Melayu terus dijalankan dengan tumpuan diberikan dalam hubungan perdagangan. Barang-barang dagangan daripada Asia Tenggara, Cina, India dan Asia Barat diperdagangkan bersama. Dianggarkan sebanyak 36 kali atau purata tiga tahun sekali utusan daripada Srivijaya dihantar ke China di Asia Tenggara. Sebagai tanda hormat dan menghargai hubungan baik dengan kerajaan China, Raja Srivijaya telah membiayai pembinaan sebuah kuil di bandar Guangzhou pada tahun 1079 (Hashim Musa 2004:144-145).


Ramai sarjana berpendapat bahawa kemuncak kepada hubungan antara China dan Nusantara berlaku semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka. Perubahan dasar luar Dinasti Ming kemudiannya telah memulihkan kembali hubungan China dengan negara-negara lain sama ada dalam bentuk jalinan politik mahupun perdagangan. Pada tahun 1403 bermulalah persahabatan secara diplomatik antara Melaka dan China apabila utusan daripada Maharaja Ming iaitu Yong Le Ke-1 diutuskan ke Melaka dengan membawa bersama sutera dewangga, kunci emas, tabir-mabir dan lain-lain sebagai cenderamata. Kiriman utusan tersebut dibalas pula oleh Parameswara pada tahun 1405 dengan persembahan uftinya di samping menyatakan kesediaan Melaka membina persahabatan dan menerima perlindungan China. Serentak dengan itu, Raja China mengiktiraf Parameswara sebagai pemerintah Melaka dan memberikan titah bertulis di sebuah batu bersurat yang mencatat kata pujian tentang hubungan antara kedua kuasa ekonomi ini. Catatan titah bertulis Dinasti Ming ini hanya diberikan kepada empat negara sahabat iaitu Melaka, Jepun, Brunei dan Cochin (India) dan Melaka merupakan negara pertama mendapat penghormatan tersebut. Namun sayang sekali, batu bersurat berukir puisi Raja China tersebut telah hilang dan yang ada hanyalah cacatan buku sejarah China yang menceritakan sejarah penting dalam hubungan yang sangat bermakna bagi kedua-dua wilayah (Kong Yuanzhi 2000: 65-66).

Pelayaran Zheng He ke Melaka pada tahun 1405 turut mencatatkan sejarah tersendiri antara hubungan China dan Alam Melayu. Ketibaan satu armada raksasa dengan 62 kapal besar dan 255 kapal kecil bersama lebih 27,800 anak kapal yang diketuai oleh Laksamana Cheng Ho atau Zheng He. Delegasi

raksasa ini dihantar oleh Maharaja China bagi misi menjelajah Asia Tenggara, Asia Selatan dan Asia Barat untuk tujuan membina persahabatan, perdamaian dan perdagangan bukan penjajahan dan penaklukan. Zheng He dikatakan telah mengunjungi Melaka, yang dianggap sebagai "relay station" oleh China sebanyak tujuh kali setiap kali mengadakan pelayaran ke Samudera Barat. Melaka pula menghantar 13 kali utusan ke China sepanjang tahun 1411-1424 dan sebanyak tidak kurang daripada 24 kali sepanjang hubungan rasmi itu berlangsung (1995:3563). Antara raja Melaka yang mengadakan kunjungan ke China ialah Parameswara (1411), Megat Iskandar Syah (1414 dan 1419) dan Sultan Muhammad Syah (1424 dan 1423) (Wang Gungwu 1968:97-107; Kong Yuanzhi 2000: 65-66).

Jalinan erat di antara Alam Melayu dengan China sebelum zaman penjajahan Barat telah berlangsung dalam suasana yang harmoni dan semulajadi tanpa paksaan. Ini kerana hubungan yang dilakukan bukan bersifat menakluk atau menjajah sepertimana yang dilakukan oleh kuasa Barat menjelang abad ke-16. Hubungan ini memaparkan bagaimana kedua-dua pihak saling bergantung demi kepentingan bersama dalam aspek politik dan ekonomi. Sikap saling hormat menghormati dan mengiktiraf kewibawaan dan kedaulatan masing-masing di samping menghargai unsur budaya dan warisan dari kedua-dua belah pihak. Malahan terdapat kecenderungan dan minat untuk sama-sama memanfaatkan keunikan khazanah budaya bangsa dan peradaban tempatan. Contohnya, catatan Mahuan dan Fei Xin tentang keadaan dan suasana di Melaka atau *Wu Yu* dalam catatan Cina (Kong Yuanzhi 2000: 71-73). Begitu juga I-Tsing yang pernah belajar tentang Buddha di Srivijaya dan menulis tentang pengalaman dan pengamatannya terhadap keupayaan Srivijaya pada zaman keemasannya.

Namun begitu, senario ini berubah sama sekali setelah berlakunya penjajahan Barat ke atas Alam Melayu. Matlamat penerokaan ke wilayah Timur dan Asia yang berasaskan 3G - *God, Glory dan Gold* atau Ketuhanan, kegemilangan dan kekayaan berbeza sama sekali dengan amalan, kepercayaan dan cara hidup tempatan dan dunia Timur yang menekankan aspek permuafakatan, keamanan dan hidup demi kebaikan serta kesejahteraan bersama. Perubahan ini berlaku secara drastik yang melibatkan hampir keseluruhan wilayah Nusantara berada di bawah cengkaman sejarah perluasan kuasa penjajah bermula dengan penaklukan Portugis ke atas Melaka (1511), Sepanyol menguasai Manila (1570), Belanda mengalahkan Jakarta (1619) dan Melaka (1641), Inggeris mengambilalih Pulau Pinang (1791), Singapura (1819), Melaka (1824, wilayah lain di wilayah kepulauan Indonesia berada di bawah kekuasaan Belanda), membentuk Negeri-Negeri Selat (1826), Belanda menguasai Kepulauan Indonesia (1824), Sepanyol menakluki Kesultanan Sulu (1878) dan akhirnya Amerika Syarikat menguasai Filipina daripada Sepanyol (1890) (Hashim Musa 2004: 148).



Kesan paling drastik dan ketara yang memberi implikasi terhadap lanskap demografi penduduk dan dalam perhubungan antara etnik Cina, India dan Melayu di Nusantara ialah kemasukan kaum Cina dan India dalam skala yang besar secara mendadak ke wilayah Nusantara menjelang abad ke-18. Sebagai contoh, mengikut bancian yang dilakukan secara rasmi buat pertama kalinya mendapati bahawa sehingga tahun 1891 hampir separuh penduduk negeri Selangor, Perak dan Sungai Ujong merupakan orang Cina. Manakala antara tahun-tahun 1921 hingga 1957 orang-orang Cina merupakan dua pertiga daripada jumlah penduduk bandar di Semenanjung Malaysia (Idris Zakaria 2003:30).

Di Sarawak, berlaku peningkatan penduduk Cina daripada 5,000 pada tahun 1871 kepada 123,626 pada tahun 1939. Sementara penduduk Cina di Sabah turut juga meningkat daripada 27,801 pada tahun 1911 kepada 50,056 pada tahun 1931 (Shamsul Amri 2007: 30). Pola yang sama turut berlaku di wilayah lain Nusantara. Contohnya, di Singapura, jumlah masyarakat Cina pada tahun 1960 adalah sebanyak 1,230,700 orang daripada keseluruhan 1,634,000 jumlah penduduknya. Trend yang sama turut berlaku di Indonesia di mana jumlah masyarakat Cina sebanyak 1,233,000 orang pada tahun 1930 melonjak sekali ganda kepada 2,690,000 pada tahun 1960 daripada keseluruhan 93,506,000 jumlah penduduknya (Victor Purcell 1965:3).

Kesan daripada penjajahan ini telah mewujudkan jurang yang jelas antara masyarakat Cina dan Melayu dari segi interaksi dan hubungan antara kaum. Segregasi tempat tinggal berasaskan kegiatan ekonomi kaum menjadi penyebab kepada keadaan ini. Kebanyakan orang Cina tertumpu di kawasan bandar di mana kegiatan perlombongan dan perniagaan dijalankan. Sebaliknya kebanyakan masyarakat Melayu menetap di luar bandar atau desa sebagai petani dan pesawah padi. Pada tahun 1891,79 peratus atau seramai 43,786 penduduk Kuala Lumpur terdiri daripada orang Cina. Keadaan ini sudah pasti mewujudkan komposisi etnik yang tidak seimbang dan jurang ekonomi dan sosial yang ketara antara kedua-dua kaum ini. Segregasi fizikal dan budaya antara kaum Cina dan Melayu menyebabkan kurangnya interaksi di antara mereka. Oleh yang demikian pengaruh kebudayaan antara Cina dan Melayu pada ketika itu tidak begitu ketara. Sungguhpun begitu masih terdapat beberapa serapan dan pinjaman bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu dan sebaliknya.

PERTALIAN AWAL KEDATANGAN MASYARAKAT INDIA KE ALAM MELAYU

Orang India dianggarkan mula sampai di Asia Tenggara sekitar kurun pertama Masihi. Nama wilayah Asia Tenggara yang tersebut di dalam kitab Ramayana

mereka ialah *Suvarnavipa* (Semenanjung Emas) dan *Suvarnabhumi* (Bumi Emas). Faktor ekonomi ini lama-kelamaan mendorong mereka untuk membina penempatan baru di Asia Tenggara (Abdul Rahman Abdullah 2000: 53). Inskripsi-inskripsi Tamil yang dijumpai di Takuapa (di selatan Thai) dan Labu Tuwa (Sumatera) juga menunjukkan peranan gabungan syarikat peniaga-peniaga India di Asia Tenggara. Namun negara terawal muncul yang mendapat pengaruh India ialah Funan kemudian Langkasuka, Kedah, Kuala Selinsing dan Tanah Merah di Semenanjung, Kam-t' o-li di Sumatera. Taruma di Jawa dan Kutei di Borneo (D.G.E.Hall 1994: 37-41).

Walau bagaimanapun kerajaan yang paling penting tidak syak lagi ialah Srivijaya iaitu catatan China: *Chi-li-fo-che* yang muncul pada akhir abad ke-5M di tebing Sungai Musi (Palembang sekarang). Kerajaan Melayu di tebing Sungai Batang Hari (Jambi sekarang) juga telah disebut oleh catatan China dengan nama *Mo-lo-yeu* yang kemudiannya disatukan dengan kerajaan Srivijaya (Hashim Musa 2005:138)

Dalam konteks penggunaan bahasa Melayu pada zaman empayar Srivijaya, melalui kaedah arkeologi telah ditemui batu-batu bersurat atau prasasti di sekitar Palembang, yang dipercayai berperanan sebagai pusat empayar agung Melayu dan di kawasan sekitarnya. Antaranya ialah Batu Bersurat yang dijumpai di sekitar Palembang (kurun ke-7M), Talang Tuwo (684M) dan di Pulau Bangka (686M) membuktikan bahawa terdapat kira-kira 70% kosa kata bahasa Melayu kuno dan 30% lagi kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit. Contohnya, pada batu Bersurat Kedukan Bukit (683M) terdapat kosa-kosa kata berikut:

Bahasa Melayu Kuno			Bahasa Sanskrit		
Wulan	-	bulan	Sapuluh	-	sepuluh
Naik	-	naik	Datang	-	datang
Sambau	-	kapal	Manua	-	benua
Hiyang	-	Tuhan/tuan	Jalan	-	jalan
Mgalap	-	mencari	Swasti	-	selamat
Marlapas	-	berlepas	Dapunta	-	baginda
Dari	-	dari	Bala	-	tentera
Membawa	-	membawa	Laksa	-	laksa
Yang	-	yang	Shriwijaya	-	Srivijaya
			Jayasidhayatra	-	kota yang berjaya
			Marwuat	-	membuat
			Tlu	-	tiga
			Shri	-	bahagia
			Saptami	-	tujuh
			Tshara	-	pawang
			Sidhayatra	-	keberkatan
			Ekadashi	-	sebelas

(Hashim Musa 2005:139)

Manakala dalam *Les Etats hindouises*, Coedes telah mengemukakan satu hipotesis dengan menjelaskan bahawa perkembangan kebudayaan India berlaku hasil daripada aktiviti perdagangan India dengan Asia Tenggara pada permulaan tahun Masihi. Beliau mengemukakan empat unsur kebudayaan yang didatangkan dari India ke Asia Tenggara. Antaranya ialah konsep diraja bersifat Hindu-Buddha, penulisan sastera yang menggunakan bahasa Sanskrit, sistem kepercayaan yang dijelaskan dalam hikayat Ramayana dan Mohabhrata mengandungi beberapa tradisi diraja dan salasilah keturunan keluarga diraja di daerah Ganges dan hukum-hukum agama Hindu (D.GE Hall 1987:25).

Selain itu, terdapat beberapa pandangan sarjana telah berpendapat bahawa, kedatangan masyarakat India ke Tanah Melayu juga bermula sejak awal lagi. Penghijrahan mereka adalah berkait rapat dengan perdagangan di negeri Melayu Tua seperti di Gangga Negara, Beruas dan Melaka. Penempatan awal mereka di Melaka dan kini dikenali sebagai Tanjung Keling. Mereka pada awalnya adalah pedagang yang berkahwin dengan orang tempatan dan kerana itu wujud satu golongan India campuran Melayu yang berdasarkan agama iaitu India Muslim. Kemasukan mereka secara besar-besaran pula kemudiannya juga dipengaruhi oleh faktor-faktor di negeri mereka dan Tanah Melayu sendiri pada ketika itu.

PENGARUH BUDAYA INDIA KE ATAS BAHASA DALAM TAMADUN MELAYU

Konsep dan proses pengindiaan pula (*indianization*) di Asia Tenggara sepertimana istilah yang digunakan oleh George Coedes (*The Indianized States of Southeast Asia: 1944*), wujud setelah berlakunya perhubungan antara India dan Asia Tenggara. Hasilnya bermulalah zaman protosejarah dalam sejarah peradaban Asia Tenggara, iaitu zaman di mana sumber-sumber sejarah tentang budaya, bahasa dan pandangan semesta masyarakat berdasarkan catatan asing termasuk dari India, Cina, Arab, Parsi dan Greek. Kedudukan ini sama dengan pengaliran budaya yang berlaku antara Cina dan masyarakat Melayu di Asia Tenggara.

Proses pengindiaan berlaku di Alam Melayu setelah wujud hubungan awal yang berterusan di antara India dengan Asia Tenggara sejak abad pertama Masihi lagi. Perhubungan ini berlaku secara dua hala yang melibatkan penjelajahan orang India ke kawasan Asia Tenggara dan pengembaraan pelaut Melayu-Polinesia ke India. Kedua-dua bangsa ini sememangnya terkenal dengan pengalaman dan pengetahuan yang luas merentas samudera. Hasil kemajuan dalam teknologi perkapalan menggalakkan mereka untuk berdagang.

Pengaruh India dalam masyarakat dan Tamadun Melayu dapat dilihat dari beberapa aspek. Hubungan India dan Alam Melayu yang agak lama sedikit sebanyak mempengaruhi struktur budaya dan bahasa Melayu. Dari segi bahasa, asimilasi konsep dan idea baru dapat dilihat melalui unsur pinjaman dan penyerapan daripada budaya dan bahasa India terutamanya Sanskrit dan sedikit bahasa Tamil ke dalam budaya dan bahasa Melayu. Namun proses peminjaman kebanyakannya disesuaikan dengan ciri-ciri fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik bahasa Melayu (lihat J. Gonda 1973, *Sanskrit in Indonesia*, S. Singaravelu 1989, "Hubungan Kebudayaan antara India dengan Malaysia Zaman Pramoden" dalam Ismail Hussein dkk. *Tamadun Melayu*, Jil.1, Asmah Hj. Omar 1975, "The Nature of Tamil Loan Words in Malay", dalam Asmah Hj. Omar 1975, *Essays on Malaysian Linguistics* dalam Hashim Hj. Musa 2005: 142).

a) Pinjaman daripada Sanskrit

Dari segi fonologi, aspirasi /h/ dalam Sanskrit digugurkan atau dipindahkan tempat, contohnya seperti perkataan di bawah:

Bhumi	-	bumi
Bheda	-	beza/beza
Bhasa	-	bahasa
Arthah	-	harta
Bhakti	-	bakti
Bhudi	-	budi
Arghah	-	harga

Vokal /a/ dalam suku kata pertama digantikan dengan e pepet.

Nagaram	-	negara
Panjaram	-	penjara
Danda	-	denda

Konsonan sengau/nasal disisipkan antara vokal:

Akash	-	angkasa
Upama	-	umpama

Vokal e pepet disisipkan di tempat gugus konsonan:

Putrah	-	putera
Cakravala	-	cakerawala
Sastram	-	sastera
Cakram	-	cakera

 b) Pinjaman daripada Bahasa Tamil

Terdapat juga kata pinjaman daripada bahasa Tamil iaitu konsonan retrofleks, ciri kepanjangan vokal dan penggandaan konsonan dihilangkan, seperti:

Kendii	-	kendi
Kappal	-	kapal
Petti	-	peti

Vokal /a/ digantikan dengan e pepet:

Kadai	-	kedai
Mampalam	-	mempelam
Paricai	-	perisai

Konsonan /v/ digantikan dengan /b/ atau /w/ seperti:

Vagai	-	bagai
Kaval	-	kawal
Vanali	-	bende

Vokal /u/ digantikan dengan vokal /o/ seperti:

Mutal	-	modal
Kulam	-	kolam

Vokal panjang di hujung perkataan digantikan dengan bunyi tekak atau glotis seperti:

Ayyaa	-	ayah
Akkaa	-	kakak
Ammaa	-	emak

Kesan hubungan masyarakat India dengan Alam Melayu juga dapat dilihat dalam bidang kesusasteraan. Misalnya epik dan mitos India digunakan dalam kesusasteraan Melayu Lama, seperti *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Hikayat Seri Rama*, *Hikayat Pendawa Lima* (Pandawa Jaya) (berdasarkan *Ramayana* dan *Mahabrata*), *Hikayat Kalilah* dan *Daminah*, *Hikayah Nakhkoda Muda*, *Hikayat Maharaja Pikrama Sakti* (daripada *Kathasaritsagara*) beberapa tema dan motif kesusasteraan India tertentu diserapkan ke dalam beberapa karya tradisi historiografi Melayu sebagai contoh lagenda Raja Suran yang mengembara ke negara dasar laut dan perkahwinannya

dengan puteri raja kerajaan tersebut tercatat dalam Sejarah Melayu manakala jelmaan anak raja daripada buih terdapat dalam Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah dikaitkan dengan sumber kesusasteraan India tertentu. Kemasukan unsur-unsur daripada epik Ramayana dan Mahabrata juga terdapat dalam seni lakon dan wayang kulit di Nusantara. Walau bagaimanapun, proses penyerapan budaya tersebut turut mengambil kira penyesuaian dan penyelarasan oleh unsur-unsur kebijaksanaan tempatan (S. Singaravelu 1993: 96-99, Hashim Musa 2000: 10).

PENGARUH BUDAYA CINA KE ATAS BAHASA DALAM TAMADUN MELAYU

Hubungan antara peradaban Alam Melayu dengan peradaban China dan India telah wujud sejak beratus tahun dahulu. Pertalian antara Alam Melayu-India wujud sejak abad pertama Masihi manakala jalinan hubungan Melayu-China wujud sejak abad kedua sebelum Masihi lagi. Kehadiran mereka ke Alam Melayu ini memperlihatkan ciri-ciri masyarakat pluraliti Alam Melayu yang semula jadi tanpa paksaan oleh mana-mana kuasa. Mereka datang berdagang bersama keluarga secara sukarela untuk mencari kehidupan dan kekayaan. Sekiranya mereka mengambil keputusan menetap di Alam Melayu, ia adalah hasil persetujuan bersama ahli keluarga. Hasilnya, mereka berjaya mewujudkan interaksi dengan masyarakat tempatan. Wujud unsur akomodasi dalam kehidupan masyarakat pluralistik pada zaman tersebut.

Kesan pengaruh budaya Cina ke dalam peradaban Melayu agak ketara dengan kewujudan masyarakat Baba dan Nyonya, khususnya di Melaka dan komuniti Cina Peranakan di Kelantan dan Terengganu. Asal usul masyarakat Baba dan Nyonya bermula dengan hubungan dan sejarah awal antara masyarakat Cina dengan penduduk tempatan khususnya orang Melayu Semenanjung Malaysia, Indonesia dan masyarakat Thai. Proses akulturasi menjadi mudah melalui perkahwinan campur pada zaman awal pembinaan komuniti Peranakan Cina. Orang Cina mula menetap di Melaka, Pulau Pinang dan terdapat juga yang berhijrah ke Singapura seterusnya membentuk komuniti mereka sendiri pada awal kurun ke-17 dan abad ke-19.


Di Semenanjung Malaysia pada hari ini, hanya Melaka mempunyai perkampungan komuniti Baba. Mereka didapati menetap di Melaka Tengah dan Bandar Melaka antaranya Klebang Besar, Ujong Pasir, Jalan Tan Cheng Lock, Bandar Hilir, Batu berendam, Bukit Rambai di samping di Daerah Jasin, Alor Gajah, Sungai Udang dan Masjid Tanah. Sehingga tahun 1977, seramai 5,000 orang Baba di Melaka atau bersamaan 3 peratus daripada keseluruhan masyarakat Cina di Melaka (Lee Kam Hing & Tan Chee Beng 2000:49-51).

Kumpulan komuniti ini telah mengalami proses asimilasi dalam sosiobudaya Melayu, di samping mengekalkan agama dan ciri-ciri kepercayaan asal mereka iaitu agama yang berkaitan dengan masyarakat Cina seperti Buddha, Konfusianisme, Taoisme dan lain-lain (Anuar Puteh 2003:112; Mary F. Somers Heidhues 1974: 36-37). Kesan ini dapat dilihat agak ketara sama ada dari aspek *material* mahupun bukan material. Aspek material merangkumi perubahan dari segi pemakaian, makanan dan masakan manakala aspek bukan *material* meliputi falsafah, adat resam, pemikiran atau agama dan bahasa termasuk bertutur dalam bahasa Melayu. Perkara ini dinyatakan oleh Gosling (1964: 214) dalam tulisannya antara lain menyebut:

'House, dress, food, language, and many custom are already Malay, and a great deal of biological assimilation also taken place... the language used in family life, social order and religion are still Chinese'.

Proses pembudayaan Melayu berlaku ke atas orang Cina yang berkahwin dengan masyarakat tempatan dan melahirkan satu budaya kacukan Cina-Melayu yang unik yang dinamakan budaya Baba dan Nyonya. Ciri komuniti ini yang pada umumnya berpendidikan Inggeris jelas memperlihatkan pengaruh Melayu dari segi pemakaian dan makanan. Generasi tua masih mengekalkan pemakaian sarung dan kebaya. Masakan Nyonya mempunyai ciri kombinasi Cina dan Melayu yang unik tetapi lebih cenderung kepada masakan Melayu (Lee Kam Hing & Tan Chee Beng 2000:51). Hasil daripada penyerapan budaya ini juga memberi kesan terhadap ragam bahasa yang membentuk dialek komuniti mereka sebagai bahasa pertuturan yang dikenali bahasa Melayu Baba. Menurut Hashim Musa (2000: 14), dialek Melayu Baba Melaka diasaskan kepada ragam bahasa Melayu pasar yang menjadi *lingua franca* dalam perdagangan di kalangan pelbagai bangsa di bandar-bandar utama Alam Melayu seperti Melaka, Singapura, Pulau Pinang dan Jakarta. Walaupun begitu, setiap kawasan mempunyai ragam bahasa yang tersendiri berdasarkan dialek Melayu tempatan. Mereka juga mempunyai beberapa perkataan pinjaman bahasa Cina, Indonesia dan Inggeris (Lee Kam Hing & Tan Chee Beng 2000:51).

Menurut Hashim Musa lagi (2000: 14) bahawa dialek Melayu Baba Melaka agak berbeza dengan bahasa Melayu baku dalam beberapa perkara. Kata pinjaman daripada bahasa Cina, terutamanya dialek Hokkien, telah banyak diserapkan ke dalam Bahasa Melayu dalam aspek berkaitan adat, kekeluargaan dan agama orang Cina. Kata-kata yang diserapkan tersebut mengalami proses penyesuaian dari segi sebutan dan makna sebagai contoh perkataan lau-teng = loteng, Put-Co = Datuk Uco (nama satu Dewa Buddha). Perkataan Melayu juga didapati telah mengalami perubahan makna dan bunyi contohnya perkataan



kawan = kawan (suami), malaikat = malikat (roh nenek moyang). Pertuturan Melayu Baba juga agak ringkas kerana menggunakan kata dasar sahaja dalam ayat dan tidak banyak menggunakan imbuhan. Sebagai contoh: Dia baca buku. Perkataan “punya” digunakan bagi maksud milik “nya”. Seperti: bajunya = Dia punya baju. Namun begitu, dewasa ini sebilangan komuniti Baba telah mengahwini masyarakat Cina yang menerap kembali ciri-ciri budaya Cina.

Kewujudan penempatan komuniti Peranakan Cina di pantai Barat dan pantai Timur Semenanjung Malaysia merupakan rentetan pertalian pedagang Cina dengan Alam Melayu. Sehingga kini tiada catatan rekod dan dokumen Cina yang menyatakan tentang penempatan komuniti tersebut di sempadan Thailand-Kelantan (Hashim Musa 2004: 147). Berdasarkan kajian Tan Chee Beng, peranakan Cina di Kelantan kini menetap di kawasan tebing Sungai Kelantan dari Kuala Kerai di hulu, sehingga ke Tumpat di bahagian muaranya dan sekitar Kampung Tanah Merah di Machang. Telah wujud ikatan yang rapat antara orang Melayu Kelantan dengan komuniti peranakan Cina yang menyebabkan proses penyerapan budaya Melayu berlaku di kalangan mereka (Lee Kam Hing & Tan Chee Beng 2000:52).

Manakala penempatan komuniti ini di Terengganu di sepanjang Sungai Terengganu khususnya di Pulau Babi (kini Pulau Bahagia), Tirok dan Wakaf Tapai (Ibid 2000:53). Penggunaan dialek Kelantan dan Terengganu yang fasih dan baik serta jenis pakaian yang serupa antara aspek yang paling ketara. Mereka juga dapat menyesuaikan diri dengan budaya masyarakat tempatan dengan berkongsi minat yang serupa seperti minat terhadap permainan, wayang kulit, wayang gedek, menora selain permainan mahjong, capjeki dan pakau bagi kumpulan pinggir. Walau bagaimanapun masih terdapat kekangan penyerapan sepenuhnya golongan Peranakan ke dalam masyarakat Melayu iaitu agama. Mereka masih mengekalkan amalan kepercayaan dan budaya berasaskan warisan peninggalan nenek moyang mereka serta kepercayaan agama Buddha yang merupakan faktor yang membezakan masyarakat mereka dengan Melayu yang menganut Islam (2004: 147).

Menurut Anuar Puteh (2003: 112) terdapat juga sebilangan kecil masyarakat Cina yang mempunyai persamaan dengan orang Melayu iaitu yang beragama Islam, tetapi masih mengekalkan sosiobudaya Cina seperti sebilangan orang-orang Cina keturunan Yunnan Hui (beragama Islam di China) di Kuala Terengganu. Mereka dikatakan berasal dari wilayah Guangzhou dan membentuk komuniti kecil berketurunan daripada mereka yang bernama Dong, Li, Zhang, Liu, Fu dan Xiao. Penduduk daripada tiga nama pertama, dikenali dengan panggilan sebagai Pak Abdullah, Pak Musa dan Pak Ali datang berniaga di Kuala Terengganu pada penghujung abad kedua puluh. Pada tahun 1976, terdapat seramai 120 orang keturunan Yunan di Terengganu tinggal di Jalan Air Jernih, Simpang Tok Ku, Kampung Cina, Jalan Banggol, Gong Kapus dan Batu

Buruk. Pada hari ini jumlah mereka adalah sekitar 200 orang (Lee Kam Hing & Tan Chee Beng 2000:54). Pemetikan kenyataan Gosling (1964: 443) tentang kewujudan minoriti ini oleh Anuar Puteh menggambarkan mereka sebagai:

'They came as Muslims from China, a fact which facilitated a certain degree of acceptance and assimilation into Malay community of their new home, but they still remain and manifest strong Chinese socio cultural habits in their homes and communal organisation...'

Menurut kajian yang dilakukan oleh Long Litt Woon pada tahun 1986, terdapat lebih kurang sepuluh ribu orang Cina Muslim di Malaysia termasuk mereka yang berhijrah dari negara China dan juga generasi kedua yang lahir daripada perkahwinan campur di antara orang Cina dengan orang Melayu (*Buletin MACMA*. Bil.1. September 1996: 12). Sehingga kini dianggarkan terdapat lebih kurang tiga puluh hingga lima puluh ribu orang Cina Muslim di Malaysia.

Hubungan antara Cina dan Alam Melayu juga sedikit sebanyak memperlihatkan proses penyesuaian bahasa ke dalam bahasa tempatan. Sekitar tahun 1560 Masihi, Yang Lin menyatakan bahawa perkataan Bahasa Melayu mempunyai kaitan dengan Bahasa Cina. Beliau berjaya mengumpulkan sebanyak 500 kosa kata bahasa Melayu yang diserap daripada bahasa Cina yang kebanyakannya berkaitan aspek ekonomi dan nama barangan. Manakala sebahagian kecil kosa kata barang-barang import mewah yang tidak terdapat di Alam Melayu, diserap terus ke dalam Bahasa Melayu.

Menurut Collin lagi, perkataan yang diserapkan ke dalam bahasa Melayu sukar dikenalpasti sebagai bukan bahasa Melayu kerana istilah yang tidak dipisahkan. Contohnya perkataan kemukus diambil daripada perkataan ka mo ku su.

Dalam pada itu, menyentuh aspek pengukuhan bahasa sepanjang hubungan China-Malaysia, sekurang-kurangnya terdapat 1046 kata pinjaman bahasa Cina (khasnya dialek Hokkien) dalam bahasa Melayu (termasuk Indonesia). Perkataan tersebut misalnya amoi, apek, bangsat, beca, capgomeh, cat, cuka, ginseng, hongsi, kuih, popia, sampan, taueh, tauhu, takua, teh, teko dan tong. Manakala dalam bahasa Cina terdapat 233 kata pinjaman bahasa Melayu seperti sarung, pinang, durian, duku dan datuk (Kong Yuanzi 2000:129).

Tidak kurang pentingnya sumbangan pendeta China iaitu Yi Jing pada abad ketujuh yang menuntut ilmu Buddha di Kelantan dan Asia Tenggara telah berjaya mencatat bahasa Melayu kuno dengan nama bahasa *Kunlun*. Catatannya sangat berharga untuk pengajian sejarah bahasa Melayu (Ibid 2000:129).

Antara usaha yang agak penting dalam pertembungan bahasa Cina dan Melayu ialah dengan lahirnya kamus Cina-Melayu yang tertua, iaitu *Man La Jia Guo Yi Yu* (Perkataan Negeri Melaka). Sebanyak 482 patah perkataan bahasa Melayu berjaya dikumpulkan oleh keturunan Cina di Melaka dalam tahun 1403-1511, dan kemudian disemak oleh Yang Lin, iaitu seorang pegawai di jabatan jurubahasa atau “*Tong Shi*” (penterjemah di istana China) pada tahun 1549. Kamus ini pernah diulas oleh Edwards dalam *Bulletin of School of Oriental and African Studies*, 1930-1932. Ia mendahului kamus Itali-Melayu yang ditulis oleh Antonio Pigafetta pada tahun 1521 mungkin hampir 100 tahun (Liang Liji 2004: 3564-3565). Sementara itu, Hashim Musa menyatakan bahawa Liang Liji telah memperturunkan dan memberi makna bagi 482 perkataan yang tercatat dalam senarai tersebut (2004:146). Kong Yuanzhi (2000:130) turut meneliti dalam bahagian keempat kamus tersebut yang menyenaraikan pelbagai jenis rempah ratus, antaranya:

Kepulaga	Kardamanggu
Gaharu	Dammar
Cengkih	Kemennyan arab
Adas	Kapur barus
Raksamala	Lada
Mur	Jernang
Calambac	Balau

Ini menunjukkan bahawa rempah ratus yang merupakan hasil utama Nusantara diperdagangkan di Melaka sebagai sebuah pelabuhan antarabangsa merangkap rakan perdagangan utama bagi China.

Selain itu, dalam *Xian Bin Lu* (Rekod Negeri-negeri Tamu) yang ditulis oleh Luo Yeujiung pada abad ke-16 mencatatkan perkataan-perkataan bahasa Melayu dan ejaannya menurut bahasa Cina, misalnya An La (Allah), Bu Mi (bumi), Ha Li (hari) dan Bu Lan (bulan). Ini memperlihatkan bahawa pertalian antara bangsa Cina dan Melayu sangat akrab (Kong Yuanzhi 2000:130).

Menyedari akan pentingnya bahasa Melayu sebagai alat komunikasi yang berkesan bagi melancarkan hubungan erat antara China dan Melaka, Maharaja Dinasti Ming iaitu, Raja Ming Ceng Zhu telah menubuhkan sebuah maktab bahasa asing yang dinamakan ‘*Si Yi Guan*’ (Balai Bahasa Negara-Negara Asing) bagi mengajar bahasa. Maktab ini didirikan di Ying Tian Fu (kini Nanjing) pada tahun 1405 dan diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan. Ia mempunyai lapan jabatan, manakala bahasa bagi negeri yang mempunyai hubungan yang rapat dengan China dijadikan bahasa utama termasuk bahasa Melayu (dikenali pada ketika itu sebagai bahasa negeri Melaka). Bahasa Melayu diletakkan di bawah satu jabatan yang dipanggil “*Hui Hui Guan*” (Jabatan Islam yang

merangkumi bahasa Parsi, Arab, Melaka, Jawa dan lain-lain) (Lian Liji 2004:3564-3565).

Dalam proses penyerapan bahasa dan budaya asing, cerdik pandai tempatan (*local genius*) telah cuba menyesuaikan unsur-unsur luar tersebut dengan ciri tempatan. Bahasa dan budaya Melayu tidak mengambil bulat-bulat perkataan dan budaya luar seperti Cina dan India tersebut tanpa melakukan apa-apa perubahan. Akan tetapi ia telah menyesuaikan atau meminjam ubah unsur ini mengikut kesesuaian ragam dan gaya hidup serta bahasa yang digunakan di Alam Melayu.

ISTILAH-ISTILAH BARU DARIPADA KEPELBAGAIAN ETNIK DALAM PENGKAYAAN BAHASA MELAYU & TAMADUN MELAYU

Berikut adalah antara senarai perkataan Bahasa Cina dalam Bahasa Melayu (Hashim Musa 2004: 157, Za'ba 1962: 275).

- a) Makanan dan buah buahan
Me, mesua, bakmi, teh, cincau, taueh, kueh, bepang, kuaci, kanar, kucai, angki, tauhu, kincam, lai, behon, yong taufu, to'yu, samsu.
- b) Pakaian dan barang dagangan
Tocang, cukin, joseh, kekwa (bunga), koyok, cat, gincu, tahlil, koyan, gimpai, ci (1/10 tahlil), hun (1/100 tahlil, 1 inci), tokok, tohar candu, angklong, kaci.
- c) Permainan
Congkak, cukai, mahjong, ceki, pakau, capjeki.
- d) Rumah dan peralatan
Loteng, pangkin, bangsal, tongkang, angloh, loceng, langkan, kangka, Jong, sampan, beca, langca, pongkis, sempua, sia, tanglong, tangsi, takpi, cawan, uncoil, dacing, kok (belunggu tengkok haiwan), cacing, kincir.
- e) Manusia dan lingkungan ehwalnya
Apek, nyonya, taukeh, cenmpiang, loki, kongsi, kicak, cinggeh, angpau, taijin, gua, lu, kuntau, sengse, singkek, samseng, lancau, suwe, toa pekong, tekong, tokong, banci, cuak, culai, lancing.

Sebagai perbandingan, Edwards & Blanden (1930-1935) dalam Collins (2005) telah mencatatkan sejumlah perkataan yang berasal daripada Bahasa Cina (Dinasti Ming), antaranya:

Bahasa Cina	Bahasa Melayu Moden
Chia pu erh	Kapur
Ko lo ma	Kurma (Persia)
Chen chieh	Cengkeh
Pa wan lam	Pualam
Ka mo ku su	Kemukus
Yin tan	Intan

Terdapat juga beberapa perkataan Bahasa Melayu yang terbit hasil serapan dan pinjaman daripada bahasa Sanskrit dan Tamil. Berikut adalah antara sebahagian perkataan yang dicatatkan oleh S. Singaravelu (1993:100-105):

1) Senarai perkataan Sanskrit dalam Bahasa Melayu

a) Fenomena alam

Sanskrit	Melayu	Sanskrit	Melayu
Akashah	Angkasa	Udara	Udara
Cakravala	Cakerawala	Bhumih	Bumi
Meghah	Mega	Samudrah	Samudera

b) Negeri dan Kerajaan

Sanskrit	Melayu	Sanskrit	Melayu
Nagaram	Negara	Nagari	Negeri
Dasah	Desa	Dhulih	Duli
Kotah	Kota	Puri	Puri
Asthanam	Astana, istana	Raja	Raja
Adhi-raja	Diraja	Paduaka	Paduka
Makutan	Mahkota	Parameswari	Permaisuri
Putrah	Putera	Putri	Puteri

Sanskrit	Melayu	Sanskrit	Melayu
Mantri	Menteri	Pradhana mantri	Perdana Menteri
Bhandagarikah	Bendahari	Dutah	Duta
Tantram	Tentera	Laksamanah	Laksamana
Virah	Wira	Anugraha	Anugerah
Karuniam	Kurnia	Dandah	Denda
Panjaram	Penjara	Anyaya	Aniaya

c) Kelompok manusia dan keluarga

Sanskrit	Melayu	Sanskrit	Melayu
Vamsah	Bangsa	Manusyah	Manusia
Kalu + varga	Keluarga	Svami	Suami
Stri	Isteri	Sodarah	Saudara/Belia
Bandhu	Bandu	Nama	Nama
Sahayah	Saya		

d) Aktiviti perdagangan

Sanskrit	Melayu	Sanskrit	Melayu
Vanji	Berniaga	Laksam	Laksa
Labhah	Laba	Bhandam	Benda
Kotih	Keti	Arghah	Harga
Bhagah	Bahagi	Karyam	Kerja/ Karya

e) Bahasa, pelajaran dan kesusasteraan

Sanskrit	Melayu	Sanskrit	Melayu
Bhasa	Bahasa	Svarah	Suara
Khatha	Kata	Arthah	Erti /Arti
Guruh	Guru	Sisyah	Siswa
Astramah	Asrama	Periksa	Periksa
Satram	Sastera	Pustakam	Pustaka

f) Agama

Sanskrit	Melayu	Sanskrit	Melayu
Agamah	Agama	Bhatrarah	Bentara
Bhaktih	Bakti	Acarah	Acara
Candi	Candi	Devah	Dewa
Devi	Dewi	Dharmah	Derma
Dosah	Dosa	Jamma	Jelma
Narakah	Neraka	Puja	Puja
Saktih	Sakti	Syargah	Syurga
Srih	Sri	Upavasah	Puasa, Pertapaan
Tapah	Tapa	Vidyadhari	Bidadari

g) Istilah abstrak

Sanskrit	Melayu	Sanskrit	Melayu
Bhedah	Beza / Beda	Buddhih	Budi / Budaya
Dukham	Duka	Gunah	Guna
Cinta	Cinta	Jayah	Jaya
Rahasya	Rahsia	Rasah	Rasa
Satya	Setia	Smarah	Asmara
Sukha	Sukacita	Ssunyam	Sunyi

h) Konsep masa

Sanskrit	Melayu	Sanskrit	Melayu
Vela	Bila	Masah	Masa
Ghatika	Ketika	Kalah	Kala
Purva	Purba	Samdhyakalah	Senjakala
Tatkala	Tatkala		

i) Perkara lain

Sanskrit	Melayu	Sanskrit	Melayu
Aneka	Aneka	Antaram	Antara
Chaya	Cahaya	Karanam	Kerana/Kerna
Mahan	Maha	Rupam	Rupa
Saman	Sama	Sopaya	Supaya
Tathapi	Tetapi	Sigharam	Segera
Sampurnam	Sempurna	Sakala	Segala
Uttama	Utama	Varna	Warna

2) Senarai perkataan daripada Bahasa Tamil ke Bahasa Melayu

a) Bahan makanan

Tamil	Melayu	Tamil	Melayu
Kari	Kari	Untai	Onde-onde
Puttu	Putu	Satai	Sate
Mankay	Mangga	Mampalam	Mempelam
Venti	Bendi	Marungkai	Munggai
Appam	Apam	Kanci	Kanji

b) Istilah Perdagangan

Tamil	Melayu	Tamil	Melayu
Katai	Kedai	Kitanku	Gedung
Kappal	Kapal	Mutal	Modal

c) Perabot/Peralatan

Tamil	Melayu	Tamil	Melayu
Kattil	Katil	Kenti	Kendi
Petti	Peti	Tambalam	talam

d) Keluargaan

Tamil	Melayu	Tamil	Melayu
Appa	Bapa	Ayya	Ayah
Amma	Emak	Akka	Kakak
Mama	Mamak		

e) Istilah lain

Tamil	Melayu	Tamil	Melayu
Accu	Acuan	Ceruppu	Cerpu
Curai	Curi	Cumma	Cuma
Kaval	Kawal	Koyil	Kuil
Kulam	Kolam	Kumpal	Kumpul
Kuttu	Kutu	Parisai	Perisai
Vakai	Bagai	Vatai	Badai
Veti	Bedil	Vilanku	Belenggu

Kadangkala pengaruh asing juga begitu kuat sehinggakan kata-kata bahasa Melayu akan menjadi arkaik kerana jarang-jarang digunakan. Contohnya tetuang udara bagi radio, kereta lereng bagi basikal, peti gambar bagi televisyen, rumah sakit bagi hospital dan lain-lain (Puteri Roslina Abdul Wahid 2007: 7).

KESIMPULAN

Hasil perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa tamadun Melayu dibina dan terus berkembang melalui kekuatan ekonomi, perdagangan dan faktor perkembangan agama khususnya Islam. Namun faktor bahasa juga merupakan pendorong dan kekuatan kepada perkembangan tamadun Melayu di Alam Melayu.

Sesungguhnya bahasa Melayu telah menerima pengembangan secara evolusi dari semasa ke semasa. Peminjaman bahasa dan asimilasi berlaku mengikut keperluan semasa dan ia akan terus berlaku sebagai satu fenomena selagi adanya pertembungan budaya dan bahasa. Bahasa merupakan wahana yang konkrit untuk masyarakat berinteraksi. Bahasa dan budaya mempunyai


kaitan yang amat rapat kerana penggunaan bahasa yang indah dan menarik melambangkan budaya yang demikian juga dan sebaliknya akan menggambarkan betapa cacamarbanya budaya sesuatu bangsa tersebut.

Sekiranya kita tidak berhati-hati dalam menentukan fungsi bahasa Melayu, maka jati diri budaya, bangsa dan masyarakat Melayu akan terhapus sedikit demi sedikit dan akhirnya kita gagal mendefinisikan makna 'Melayu' kerana kita sudah kehilangan unsur yang paling penting bagi jati diri sesuatu bangsa, iaitu bahasa. Apa yang pasti semua pihak perlu berganding bahu agar dapat memastikan bahawa arus globalisasi kini lebih mencabar agar tidak meruntuhkan status bahasa Melayu sebagai bahasa utama, bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan di negara Malaysia.

RUJUKAN

- Anuar Puteh. 2003. *Kehidupan beragama dalam masyarakat Cina: Tinjauan terhadap kecenderungan mereka memilih Islam* dalam Jaffary Awang, dll. (ed.). *Agama dan Perpaduan Kaum di Malaysia*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- A. Aziz Deraman. 2001. *Masyarakat dan kebudayaan Malaysia: Suatu analisis perkembangan kebudayaan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 2000. *Tamadun Melayu dan pembinaan bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Abdullah. 2006. *Sejarah dan kebudayaan Asia Tenggara tradisional*. Shah Alam: Karisma Publications.
- _____. 2000. *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara sebelum dan sesudah pengaruh Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Collins, James T. 2005. *Bahasa Melayu bahasa dunia sejarah singkat*. (Terj. Evita Elmanar). Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Hall, D.G.E, 1987. *Sejarah Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Hj. Musa, 2005. *Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia menghadapi globalisasi Barat*, Petaling Jaya: DJ Gemilang Sdn. Bhd.
- _____. 2000. *Pertalian Tamadun India dan Tamadun Cina dalam bahasa dan kebudayaan Melayu*. Jurnal Pengajian Melayu. Jilid 10.
- _____. 2004. *Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia menghadapi globalisasi Barat*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya dan Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya.

- Ismail Hussein, et al. 1995. *Dunia Melayu dan dunia Indocina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1995. *Tamadun Melayu*. Jil.3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1993. *Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keith W. Taylor. 1992 . *The early Kingdoms* dalam Nicholas Tarling. *The Cambridge History of Southeast Asia: From Early Times to c. 1800*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Kobkua Suwannathat ~ Pian. 1997. *Asia Tenggara: Hubungan tradisional serantau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kong Yuanzhi. 2000. *Pelayaran Zheng He dan alam Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lee Kam Hing dan Tan Chee-Beng (ed.). 2000. *The Chinese in Malaysia*. Shah Alam: Oxford University Press.
- Liang Liji. 2004. *Pantulan bahasa dan Tamadun Melayu di China* dalam Ismail Hussein, A. Aziz Deraman. *et al.* (ed.). *Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Liang Liji. 1996. *Hubungan empayar Melaka-Dinasti Ming abad ke-15*. Bangi: UKM.
- Mary F. Somers Heidhues. 1974. *Southeast Asia's Chinese minority*. Australia: Longman.
- M.Rajantharan. 1999. *Sejarah Melayu kesan hubungan kebudayaan Melayu dan India*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nicholas Tarling. 1992. *The cambridge history of Southeast Asia: From early times to c. 1800*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. 2007. *Implikasi penjajahan terhadap bahasa Melayu* dalam Majalah Dewan Bahasa, Oktober.
- _____. 2005. *Bahasa Melayu dalam konteks budaya dan kuasa* dalam Melayu Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu. Jilid 4 Bil 2, Disember.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2007. *Modul hubungan etnik*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Singaravelu. 1993. *Ulasan ringkas hubungan kebudayaan antara India dengan Malaysia pada zaman pramoden* dalam Ismail Hussein, A. Aziz Deraman. *et al.* (ed.). *Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1989. *Hubungan kebudayaan antara India dengan Malaysia zaman pramoden* dalam Ismail Hussain et al., (ed), *Tamadun Melayu*, Jilid 1.
- Victor Purcell. 1965. *The Chinese in Southeast Asia*. London: Oxford University Press.



Wang Gungwu. 1981. *Community and nation: Essays on Southeast Asia and the Chinese*. Singapura: Heimann Educational Books (Asia) Ltd.
_____ 1968. *The first three rulers of Malacca*. Journal of Malay Branch of The Royal Asiatic Society. 41 i.
Za'ba (Zainal Abidin Bin Ahmad). (1962). *Ilmu mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

¹Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

²Pusat Pengajian Umum
Universiti Sains Islam Malaysia



